

31 OCT 2002

Megat-Mahathir

MEGAT JUNID BERI PETUA KEJAYAAN DR MAHATHIR

ALOR STAR, 31 Okt (Bernama) -- Tan Sri Megat Junid Megat Ayob hari ini kembali ke sekolah pertama beliau mengajar di sini 39 tahun dahulu dan berkongsi rahsia kejayaan "bosnya" Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan ibu bapa, guru dan murid sekolah itu.

Megat Junid berkata terdapat lima pengajaran paling besar dipelajarinya daripada Dr Mahathir setelah berkhidmat di bawah pimpinannya selama 25 tahun -- menepati masa, keutamaan, fokus, daya ingatan yang kuat dan komitmen terhadap tugas.

(Megat Junid berkhidmat sebagai pegawai khas kepada Dr Mahathir ketika Perdana Menteri menjadi Menteri Pendidikan pada 1975 dan terus berada dalam kerajaan sehingga persaraannya sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 1999).

Pertama, Dr Mahathir cukup menepati masa, kata Megat Junid ketika merasmikan Majlis Penghargaan dan Anugerah Cemerlang Sekolah Kebangsaan Telok Kechai, di sini.

"Dari beliau menjadi Menteri Pendidikan sehingga sekarang, punch card dia tidak pernah merah," katanya.

Kedua, katanya, Dr Mahathir sentiasa mengetahui keutamaannya dalam satu-satu hari bertugas.

Ketiga, Dr Mahathir cukup fokus terhadap tugasnya dengan memberi perhatian sepenuhnya terhadap tanggungjawabnya, katanya.

Keempat, Dr Mahathir mempunyai daya ingatan yang kuat dan sentiasa mengetahui tentang kerjanya.

"Dr Mahathir mengambil tahu pada setiap kerjanya. Pernah suatu ketika dahulu Dr Mahathir menegur Pengarah Imigresen ketika merasmikan pejabat Imigresen di Bukit Kayu Hitam kerana tandas pejabat itu kotor lalu beliau memberikan tempoh dua minggu untuk memperbetulkan keadaan itu," katanya.

Megat Junid berkata cukup dua minggu, Dr Mahathir membuat pemeriksaan mengejut dan mendapati keadaan tandas itu masih tidak berubah lantas pengarah itu dikenakan tindakan disiplin.

Kelima, katanya, Dr Mahathir cukup komited terhadap tugasnya.

"Dr Mahathir juga tidak pernah meninggalkan suara pada anak-anak buahnya," katanya.

Megat Junid berkata beliau berkongsi pengalaman itu dengan ibu, bapa, guru dan murid kerana mahukan mereka menerapkan ciri-ciri positif bagi mencapai kejayaan.

Megat Junid yang pernah mengajar bahasa Inggeris di Sek Keb Telok Kechai itu selama enam tahun sejak 1963 berkata ibu bapa harus mengutamakan pendidikan anak-anak kerana ia merupakan pelaburan yang paling berharga.

"Mak saya susah kena toreh getah untuk beri pendidikan pada anak-anaknya. Mak saya tak mimpi dapat pergi haji kalau terus toreh getah. Tapi disebabkan pendidikan yang diberikan kepada anak-anaknya, anak-anak kini boleh menghantar mak saya naik haji sebanyak tujuh kali," katanya.

Di majlis itu, Megat Junid juga memberikan sumbangan peribadi RM5,000 untuk membeli peralatan muzik sekolah itu.

-- BERNAMA

JM RON